



YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA  
MALAYSIA

## SIARAN MEDIA

### **YKN KASIH RAMADAN: HER JOURNEY: PLATFORM INTERVENSI HOLISTIK PEMBANGUNAN REMAJA**

---

**KUALA LUMPUR, 24 FEBRUARI 2026** – Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Pengerusi Yayasan Kebajikan Negara (YKN), Dato' Sri Hajah Nancy Shukri telah menyempurnakan Program YKN Kasih Ramadan: HER Journey sebagai sebuah platform intervensi sosial berfokus dalam memperkasa remaja perempuan yang memerlukan perlindungan dan jagaan.

Program ini menghimpunkan 100 peserta Program Anjung Sinar YKN yang berusia 15 hingga 19 tahun terdiri daripada anak yatim/piatu, mangsa penderaan atau pengabaian serta remaja di bawah Perintah Mahkamah mengikut Akta Kanak-Kanak 2001.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri dalam ucapannya berkata program ini dirangka sebagai satu "journey" atau perjalanan membina jati diri, harapan dan kekuatan dalaman dalam kalangan peserta. "Kita tidak boleh membiarkan mereka berjalan sendirian. Intervensi yang bersifat menyeluruh dan berstruktur seperti ini adalah penting agar mereka mampu bangkit sebagai individu yang berdaya tahan dan bermaruah," katanya.

Menurutnya lagi, remaja-remaja ini berada dalam fasa yang kritikal dan memerlukan sokongan berterusan untuk membentuk jati diri serta hala tuju kehidupan mereka. Mereka bukan sahaja perlu diperkasa dengan kemahiran hidup, tetapi juga dibimbing untuk membina keyakinan diri, kestabilan emosi dan kekuatan dalaman yang kukuh.

YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri turut menegaskan bahawa pendekatan *whole-of-government* dan *whole-of-society* amat penting dalam memastikan setiap intervensi sosial dilaksanakan secara bersepadu dan berkesan.

"Pembangunan insan adalah tanggungjawab bersama. Melalui kerjasama erat antara kementerian, agensi kerajaan, rakan strategik, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), kita mampu membina ekosistem sokongan yang lebih kukuh untuk golongan rentan. Hanya dengan nilai kemanusiaan yang tinggi dan komitmen kolektif, kita dapat melahirkan generasi yang lebih kuat, berdaya tahan dan berintegriti," katanya lagi.

Antara pengisian utama Program YKN Kasih Ramadan: HER Journey ialah sesi perkongsian daripada SAC Puan Siti Kamsiah Hassan, Ketua Penolong Pengarah Bahagian D11 (Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak) Jabatan Siasatan Jenayah, PDRM. Sesi ini memberi pendedahan berkaitan aspek keselamatan diri, kesedaran terhadap risiko jenayah seksual serta saluran bantuan yang tersedia, sekali gus memperkukuh literasi perlindungan dalam kalangan peserta.

Peserta turut mengikuti slot *Journey of Hope*, perkongsian inspirasi bersama selebriti Wan Sharmila dan penceramah bebas Ustazah Muzayannah yang menyentuh aspek kekuatan dalaman, penghijrahan diri dan pembinaan harga diri sebagai remaja. Sesi ini dikendalikan secara interaktif oleh moderator jemputan, Lin Ariffin dari Zayan FM, yang berjaya mewujudkan suasana santai namun bermakna, sekali gus menggalakkan peserta berkongsi pandangan dan pengalaman secara terbuka.

Pelaksanaan program ini disokong oleh Alliance Islamic Bank dan Kop Mantap Berhad sebagai rakan strategik yang membantu menjayakan keseluruhan inisiatif. Program ini juga menerima sumbangan daripada Rockqueen, Dutch Lady, Gardenia, SLAE dan Nabeylla yang bersama-sama menyumbang dalam bentuk produk dan barangan.

Program ini selaras dengan penerapan nilai teras K.A.S.I.H yang diperkenalkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) iaitu Kasih Sayang, Akhlak Mulia, Sihat, Ilmu dan Harmoni, sebagai asas membentuk komuniti yang seimbang, inklusif dan mampan secara holistik.

**##tamat##**

Disediakan oleh:

**BAHAGIAN DANA DAN KOMUNIKASI KORPORAT  
YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA**


### **MENGENAI YKN**

YKN merupakan sebuah tabung kebajikan yang ditadbir oleh Lembaga Pemegang Amanah dan di bawah bidang kuasa Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. YKN diperbadankan pada 5hb Disember 1981 berdasarkan surat kelulusan Y.A.B Perdana Menteri di bawah Ordinan Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 dan telah dilancarkan oleh D.Y.M.M Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong VII pada 6hb April 1982. Pentadbiran YKN dikawal selia oleh Surat Ikat Amanah bertarikh 18 Jun 1981.

YKN menjalin kerjasama strategik dengan pelbagai pihak dalam usaha menjana dana kewangan dan perkhidmatan untuk meningkatkan taraf hidup keluarga dan kanak-kanak yang memerlukan melalui perkhidmatan kebajikan, kesihatan dan pendidikan.

**Untuk maklumat lanjut atau sumbangan, sila hubungi:**

Bahagian Dana dan Komunikasi Korporat  
Yayasan Kebajikan Negara (YKN)

 03 – 8323 2236/ 2237

 [dkkykn@gmail.com](mailto:dkkykn@gmail.com)

 [www.ykn.org.my](http://www.ykn.org.my)